



Ruj. Kami : SUK.D200 (01)15/1/1 Jld.3 (91)
Tarikh : 14 Rabiulakhir 1442H
30 November 2020

Ke majlis,

Semua Ketua Jabatan Negeri

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Negeri

Semua Ketua Unit / Bahagian, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan

ARAHAN PENTADBIRAN
SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI KELANTAN
BILANGAN 4 TAHUN 2020

PELAKSANAAN BANCII PENDUDUK DAN PERUMAHAN MALAYSIA 2020

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang melaksanakan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci 2020). Arahan Banci 2020 telah mendapat perkenan KDYMM Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong di mana ia telah dilaksanakan mulai 7 Julai 2020 bersempena Hari Banci Negara. Walaubagaimanapun disebabkan oleh pandemik COVID-19 yang masih belum pulih, jadual pembancian bagi fasa pertama secara talian (e-Census dan Computer Assisted Telephone Interview) **telah dilanjutkan sehingga 21 Disember 2020**.

3. Ketua Setiausaha Negara melalui surat yang bertarikh 2 Julai 2020 telah mengeluarkan arahan agar semua Penjawat Awam diwajibkan untuk menjawab soal selidik Banci 2020 secara atas talian atau e-Census. Sehubungan dengan itu, **Pentadbiran Kerajaan Negeri Kelantan mewajibkan seluruh anggota Perkhidmatan Kerajaan Negeri untuk mengisi soal selidik Banci 2020 menggunakan kaedah secara atas talian e-Census sebagaimana arahan Ketua Setiausaha Negara.**

4. Ketua Jabatan perlu memastikan semua kakitangan di jabatan melaksanakan arahan ini dan mendapatkan kerjasama daripada pihak Jabatan Perangkaan Negeri Kelantan jika perlu.

5. Pelaksanaan arahan ini berkuatkuasa mulai **1 Disember 2020**.

Sekian, terima kasih.

*** RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUAFAKAT, NEGERI BERKAT ***

*** MEMBANGUN BERSAMA ISLAM - KELANTAN MENERAJUI PERUBAHAN ***

Saya yang menandatangani amanah,

DATO' HAJI TENGKU AZMI BIN HAJI TENGKU JAAFAR, D.P.S.K(Kelantan)

Timbala Setiausaha Kerajaan (Pengurusan)

**b.p.: SETIAUSAHA KERAJAAN
NEGERI KELANTAN**